

IMAN SEMPURNA PEMANGKIN KETABAHAN HADAPI UJIAN HIDUP

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُورَا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH!

Menjadi kewajiban asasi setiap Muslim untuk berazam dan beristiqamah melaksanakan perintah Allah SWT di samping menjauhi segala tegahan-Nya. Ini kerana kebahagiaan hanya boleh dicapai dan diperoleh pada jalan beriman, bertakwa dan beramal salih. Dan, iman itu ialah kepercayaan yang tersemat di hati yang dibuktikan dan dizahirkan oleh amal perbuatan yang melibatkan anggota badan seperti lidah, tangan, kaki dan lain-lain lagi. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Iman itu bukanlah dengan perhiasan dan cita-cita, tetapi ia adalah apa yang tersemat di hati dan dibuktikan dengan perbuatan."* (HR. Al-Baihaqi).

Kepatuhan dan ketaatan terhadap suruhan dan larangan Allah SWT menunjukkan keredhaan kita terhadap apa yang telah digariskan agama kita sekali gus berpeluang mengecap kesempurnaan iman yang sebenar. Firman Allah:-

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢٠٠﴾ الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٢٠١﴾ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَهُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٢٠٢﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Iaitu orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka; Merekalah orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan mendapat pangkat-pangkat yang tertinggi di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta limpah kurnia yang mulia (di syurga).”* (S. Al-Anfal: 2-4).

Ayat ini menjelaskan bahawa keimanan seseorang hamba itu dapat dilihat pada lima perkara :

Pertama, apabila disebut nama Allah, gementar hatinya.

Kedua, apabila dibacakan ayat Allah, makin bertambah imannya.

Ketiga, sentiasa menyerah diri kepada Allah.

Kempat, Mendirikan sembahyang (rukuk dan sujud), taat kepada perintah Allah.

Kelima, apabila dikurniakan Allah rezeki, dibelanjakan ke jalan yang diredai Allah.

Dengan hal yang demikian, iman adalah penjana kekuatan luar biasa dalam kehidupan Muslim. Ini kerana ia menjana kekuatan beribadah memandangkan antara tuntutan iman itu ialah adanya ketaatan beribadah. Maknanya, Muslim yang sempurna imannya adalah mereka yang melaksana dan memelihara amal ibadatnya.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH!

Kemanisan iman tidak sama dengan rasa manisnya madu atau gula yang hanya dapat dinikmati oleh lidah. Kemanisan iman hanya dapat dinikmati bilamana seluruh perbuatan, akhlak dan kehidupan dilimpahi ketenangan, keberkatan serta keredhaan Allah SWT. Untuk memperolehi kemanisan iman, seseorang itu mestilah mengasihi Allah dan Rasul-Nya, mengasihi sesuatu atau seseorang semata-mata kerana Allah dan tidak melakukan sesuatu yang kufur. Panduan ini digariskan oleh Rasulullah SAW dalam sabda baginda yang bermaksud: *“Tiga perkara yang apabila ada pada seseorang, maka dia akan merasai kemanisan iman. Hendaklah menjadikan Allah dan Rasul-Nya lebih dia cintai daripada mencintai perkara lain. Hendaklah dia mengasihi seseorang itu, tidak dikasihinya, melainkan kerana Allah. Hendaklah dia membenci untuk kembali kepada kekufuran sebagaimana dia benci (takut) dicampakkan ke dalam api neraka.”* (HR Imam Al-Bukhari).

Sehubungan itu, sama-samalah kita berusaha menterjemahkan ketiga-tiga perkara yang disabdakan oleh Rasulullah itu supaya berpeluang menikmati kesempurnaan dan kemanisan iman. Ia penting dalam kerangka memperteguh keimanan kita khususnya tatkala mendepani segala bentuk ujian dari Allah SWT. Iman yang teguh juga menjadikan kita lebih redha dan pasrah terhadap ujian hidup yang berbagai sekali gus segera menginsafi kesalahan dan dosa yang dilakukan.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH!

Diriwayatkan bahawa pada zaman Nabi Musa AS, ada seorang ahli ibadah yang bernama Abdullah bin Saraf yang bercita-cita menemui Allah. Beliau sentiasa beribadat dan bermunajat kepada Allah SWT, tetapi perasaannya masih belum tenang kerana beliau begitu berharap dapat bertemu dengan Allah. Bagi mententeramkan hati dan perasaannya itu, Abdullah mengambil keputusan untuk menemui Nabi Musa AS untuk mengadakan perihalnya itu.

Dalam perjalanan menuju ke tempat Nabi Musa AS, Abdullah bertemu dengan beberapa orang. Seorang daripadanya ialah insan yang kudung kedua-dua kaki dan tangannya. Abdullah berhenti sekejap lantas menyapa orang malang itu dengan menanyakan khabar serta perihalnya sehingga terjadi yang sedemikian.

Lalu, orang yang kudung kaki dan tangannya itu menjelaskan bahawa dia sebenarnya seorang saudagar yang kaya raya. Tetapi setelah tiba di tempat dia sedang berada sekarang, dia telah dirampak oleh sekumpulan perompak sehingga habis semua hartanya dirampas. Tidak puas hati dengan harta yang diperolehi, perompak itu memotong pula kedua-dua kaki dan tangannya. Akibatnya, hidupnya begitu sengsara sehingga hanya bergantung hidup kepada bantuan semut yang membawa makanan kepadanya setiap hari.

Abdullah yang meneruskan perjalanannya bertemu pula dengan seorang wanita yang sedang beribadat. Wanita itu memberi tahu bahawa dia terpaksa meninggalkan rumah, suami dan anak-anaknya bagi memastikan peribadatnya kepada Allah SWT tidak terganggu dan terhalang. Wanita itu kemudiannya meminta Abdullah supaya bertanya kepada Nabi Musa AS apakah dia dapat masuk syurga dan menemui Allah atas pengorbanannya mengasingkan diri semata-mata untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Selanjutnya, Abdullah bertemu pula dengan perompak yang merampas harta saudagar yang mula-mula ditemuinya tadi. Si perompak lantas menceritakan kegiatan yang dilakukannya selama ini dan menyedari bahawa perbuatannya itu mengundang dosa yang banyak. Lantaran itu, perompak berkenaan memohon Abdullah supaya bertanyakan Nabi Musa AS sama ada Tuhan akan mengampunkan dosanya dan menerima taubatnya sekiranya mereka bertaubat.

Setelah tiba di tempat Nabi Musa AS, Abdullah mengemukakan kesemua perihal insan-insan yang ditemui dalam perjalanannya itu. Lantas, Nabi Musa AS menjawab setiap persoalan yang diajukan kepadanya.

Nabi Musa menjelaskan, saudagar yang kudung tangan dan kakinya itu sedikitpun tidak sedar dan insaf bahawa dia masih dapat hidup kerana mendapat bekalan makanan daripada semut di sekelilingnya. Dia hanya memikirkan tentang kejahatan yang dilakukan oleh perompak kepadanya tetapi lupa kepada kebaikan semut yang saban hari membawa makanan untuknya. Kerana itu, insan kudung itu dikira masih bersalah di sisi Allah dan tidak akan dimasukkan ke dalam syurga selagi belum bertaubat.

Mengenai wanita yang sentiasa beribadat itu pun sama juga. Ini kerana dia hanya mementingkan dirinya sendiri sehingga sanggup meninggalkan suami dan anak-anak serta cuai urusan makan minum mereka. Kewajipan serta tanggungjawabnya yang lebih penting sebagai seorang isteri dan ibu di rumah diabaikannya.

Bagaimanapun, jawapan sebaliknya pula bagi persoalan orang yang ketiga yakni perompak. Menurut Nabi Musa AS, perompak berkenaan sudah ada iman. Mereka sedar terhadap kesalahan yang mereka lakukan. Perompak itu akan diampunkan Allah segala dosa yang dilakukan sekiranya mereka bertaubat.

Dari peristiwa itu, kita beroleh pengajaran bahawa untuk menjadi orang yang baik dan beriman maka kita hendaklah bermuhasabah diri dengan menginsafi hakikat bahawa hidup ini penuh dengan ujian. Segala bentuk ujian itu pula merupakan penanda aras tahap keimanan kita. Maka, setiap Muslim harus memahami dan menghayati empat hakikat iman, iaitu dua daripadanya hendaklah kita ingat manakala dua lagi hendaklah kita berusaha melupakannya. Dua hakikat yang perlu kita ingat ialah kebaikan orang kepada kita dan kesalahan atau kejahatan yang kita lakukan kepada orang. Sementara dua perkara yang perlu dilupakan pula ialah kebaikan kita kepada orang dan kejahatan orang kepada kita.

Ini bererti, jangan sekali-kali meremehkan soal melakukan kebaikan, walau pun ia kecil, mungkin ia bernilai besar di sisi Allah. Begitu juga jangan meremehkan dosa yang kita buat walau pun kecil pada diri kita, mungkin ia besar pada sisi Allah SWT. Firman Allah:-

أَحْسَبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ ^ط فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِينَ ﴿٣﴾

Maksudnya: “Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami beriman, sedang mereka tidak diuji dengan sesuatu cubaan? Dan demi sesungguhnya! Kami menguji orang terdahulu daripada mereka, maka dengan ujian demikian, nyata apa diketahui Allah mengenai orang yang sebenarnya beriman, dan nyata pula apa diketahui-Nya tentang orang yang berdusta.” (S. Al-Ankabut: 2-3)

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah